



09 JAN, 2025

Kiosk Sentuhan MADANI pertama dilancar hari ini

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Kiosk Sentuhan MADANI pertama dilancar hari ini

PUTRAJAYA: Kiosk Sentuhan MADANI yang pertama, iaitu inisiatif terbaharu untuk memudahkan akses rakyat kepada perkhidmatan kerajaan, akan dilancarkan di pusat beli-belah Alamanda, di sini hari ini.

Ketua Pengarah Unit Pantau MADANI Pejabat Perdana Menteri, Mohd Khalid Mohamed Latiff berkata kiosk berkenaan menghimpunkan lebih 90 perkhidmatan kerajaan yang disediakan melalui enam kiosk agensi dan syarikat bertalian.

Beliau berkata, ia melibatkan kiosk Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Pos Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Tenaga Nasional Bhd (TNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan MyDigital ID.

"Idea di sebalik inisiatif ini adalah untuk mengumpulkan kiosk agensi kerajaan dan syarikat swasta di satu tempat yang memudahkan akses kepada rakyat.

"Penyediaan kiosk ini merupakan satu inisiatif di bawah Belanjawan 2025 yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahu ia dilaksanakan secara cepat dan berkesan," katanya kepada pemberita ketika meninjau persiapan Kiosk Sentuhan MADANI di sini, semalam.

Perdana Menteri dijadual melancarkan dan meninjau penyediaan perkhidmatan di kiosk berkenaan pada 3.00 petang hari ini.

Anwar sebelum ini berkata ikhtiar Kiosk Sentuhan MADANI dilaksanakan dengan menghimpun pelbagai kiosk perkhidmatan kerajaan di kawasan 38 tumpuan seperti di pusat beli-belah supaya rakyat boleh berurusan dengan kerajaan di luar waktu pejabat.

— Bernama



09 JAN, 2025

Kiosk Sentuhan MADANI pertama dilancar hari ini

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PUTRAJAYA: Kiosk Sentuhan MADANI yang pertama, iaitu inisiatif terbaharu untuk memudahkan akses rakyat kepada perkhidmatan kerajaan, akan dilancarkan di pusat beli-belah Alamanda, di sini hari ini. Ketua Pengarah Unit Pantau MADANI Pejabat Perdana Menteri, Mohd Khalid Mohamed Latiff berkata kios berkenaan menghimpunkan lebih 90 perkhidmatan kerajaan yang disediakan melalui enam kios agensi dan syarikat berlainan.